



Buletin  
**AL-RIBAT**

الرِّبَاطُ  
إصبروا وصابروا ورباطوا

Malaysia : Bilangan 10, Ogos - Disember 2019

## LAWATAN KERJA WOAG MALAYSIA KE ACEH INDONESIA 2019



KUNJUNGAN HORMAT  
PRESIDEN WOAG MALAYSIA  
BERSAMA WAKIL  
KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA (KPM)  
KE KEDUTAAN  
REPUBLIK ARAB  
MESIR DI MALAYSIA

PENYERTAAN DALAM  
SEMINAR  
ANTARABANGSA  
RAHMATAN  
LIL 'ALAMIN

SEMINAR SERANTAU DAKWAH DALAM  
MASYARAKAT MAJMUK



# WASATIYYAH AL-AZHAR UNTUK SEMUA

الرَّوْبَاطُ  
إصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا

Malaysia, Ogos 2019

**A**l-Azhar al-Sharif, sebuah institusi pendidikan tinggi yang ditubuhkan lebih 1,500 tahun yang lalu, selama ini, ia berjaya memikul amanah dan tanggungjawab memelihara Islam dan menyebarkan risalahnya ke seluruh dunia. Al-Azhar sentiasa konsisten dengan pendekatan wasatiyyah dalam menjelaskan kesucian dan keaslian agama yang menjadi asas kepada kemajuan dan ketamadunan. Ia juga berjaya menangkis salah fahaman serta salah tafsiran yang dilakukan dengan sengaja ataupun tanpa sedar, namun inapknya tetap memburukkan wajah Islam di pentas global.

Dalam konteks Malaysia, al-Azhar telah menganugerahkan lebih 15,000 orang alumni dari kalangan anak watan Malaysia sejak akhir 1950-an. Generasi awal lepasan al-Azhar sebenarnya adalah abna' al-Azhar yang tulen. Hampir keseluruhan mereka belajar dengan percuma bahkan ramai yang mendapat pembiayaan dari al-Azhar yang menjadi model terulung universiti waqaf di dunia.

Golongan awal inilah yang telah memberi sumbangan yang amat signifikan dalam kemajuan Islam di Malaysia melalui pelbagai sektor, khususnya pendidikan,

politik dan pengurusan hal ehwal Islam. Sebenarnya al-Azhar menjadi qiblat ilmu bagi Malaysia dan dunia Islam 'amnya. Menurut Prof. Madya. Dato' Dr. Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, Presiden WAAG Malaysia pada 1 Mac 2012, merupakan hasrat peribadi serta pengiktirafan dan penghargaan daripada al-Imam al-Akbar, Syeikh al-Azhar as-Sharif, Prof. Dr. Ahmed Mohamed Ahmed el-Tayyeb. Syeikh al-Azhar telah memberi amanah kepada beliau selaku Presiden dengan disokong oleh barisan kepimpinan WAAG Malaysia yang mewakili pelbagai latar belakang. Hakikat bahawa lima dari empat belas orang pimpinan WAAG Malaysia, bukan dari kalangan lepasan Universiti al-Azhar membuktikan bahawa Wasatiyyah al-Azhar adalah untuk semua dan harus menjadi gagasan perjuangan semua golongan ilmunan. Menurut Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Fakhruddin Abdul Mukti lagi, WAAG Malaysia merupakan salah satu dari tujuh cawangan WAAG peringkat antarabangsa. Kelebihan Malaysia dari segi iklim politik dan sosio-ekonomi boleh menjadi pemangkin kepada kepanantasan dan keaktifan WAAG cawangan Malaysia.



#### PENASIHAT

Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhruddin Abdul Mukti  
Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz

#### KETUA REDAKSI

Dr. Asyraf Isyraqi Jamil

#### ANGGOTA REDAKSI

Ustaz Abdul Rahim Abd Latif

Ustaz Rafat Mohamed Harb Abu Sabaha

Ustaz Luqman Afifi Sabri

Sidang  
Redaksi

#### REKA BENTUK

Ustaz Ali @ Dudi Rusadi

#### PENCETAK

IBEX Printing

### **PENYERTAAN DALAM KUNJUNGAN HORMAT PAKAR RUJUK TABUNG HAJI KE PEJABAT 2 MASJID AL-HARAMAIN**

Sebagai seorang Pakar Rujuk Tabung Haji 2019M/1440H iaitu YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia telah mengadakan Kunjungan Hormat Ke Pejabat 2 Masjid al-Haramain al-Sharifain ketika bertugas di Makkatul Mukarramah menguruskan para jemaah Haji. Antara yang menyambut delegasi Tabung Haji ketika kunjungan ini ialah Sahibul Fadhilah Prof. Dr. Sheikh Hassan al-Bukhari, Imam Masjidil Haram dan Profesor di Universiti Ummul Qura, Makkatul Mukarramah. Kunjungan Hormat ini sangat bermakna buat delegasi Tabung Haji kerana dapat bersua muka dan beramah mesra bersama Imam Masjidil Haram Mekah.

**Tarikh** : 06 Ogos 2019M bersamaan 05 Zulhijjah 1440H (Selasa)

**Tempat** : Pejabat 2 Masjid al-Haramain al-Sharifain, Makkah al-Mukarramah, Arab Saudi

**Masa** : 03.00 petang

**Anjuran** : Tabung Haji Malaysia

**Kehadiran** :

- 1) Sahibul Fadhilah Prof. Dr. Sheikh Hassan al-Bukhari, Imam Masjidil Haram dan Profesor di Universiti Ummul Qura, Makkatul Mukarramah
- 2) YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 3) Sahibul Samahah Dato' Dr. Anhar bin Opir, Timbalan Mufti Negeri Selangor
- 4) YBhg. Dr. Wifaq Mokhtar, Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- 5) Para Pegawai Pejabat 2 Masjid al-Haramain yang lain



Malaysia, Ogos 2019

**LAWATAN KERJA WOAG MALAYSIA KE  
ACEH INDONESIA 2019**

Buat julung kalinya pihak WOAG Malaysia telah menganjurkan satu lawatan rasmi iaitu Lawatan Kerja WOAG Malaysia Ke Aceh Indonesia 2019 yang dijalankan selama 5 hari 4 malam di sekitar Bandar Aceh dan Meulaboh, Aceh, Republik Indonesia pada 21 hingga 25 Ogos 2019M bersamaan 20 hingga 24 Zulhijjah 1440H (Rabu hingga Ahad). Lawatan ini telah disertai seramai 11 orang delegasi termasuk Ahli Majlis Syura, para isteri, anak dan staf pejabat WOAG Malaysia. Lawatan kali ini juga telah menawarkan pakej perjalanan lengkap yang ditanggung sendiri oleh pihak delegasi yang terlibat. Antara aktiviti yang menarik sepanjang lawatan ini berlangsung ialah Kunjungan Hormat Ke Dayah @ Pesantren Darul Ihsan Aceh, menziarahi tempat-tempat bersejarah Aceh yang dilanda tsunami suatu ketika dahulu, menziarahi masjid, muzium dan makam para auliya ullah serta tempat-tempat yang lain. Para delegasi lawatan juga berkesempatan untuk mendengar tausiyah daripada para masyaikh di Pesantren Darul Ihsan Aceh.



Malaysia, Ogos 2019

**KUNJUNGAN HORMAT BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) KE PEJABAT WOAG MALAYSIA**

Pada 27 Ogos 2019M bersamaan 26 Zulhijjah 1440H (Selasa), Pejabat WOAG Malaysia telah menerima Kunjungan Hormat daripada Bahagian Hubungan Antarabangsa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang diwakili oleh YBhg. En. Mohd Faris Jazlan bin Ramli, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa KPM dan YBhg. Ustaz Ahmad Zakuan bin Md Khudzari, Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Hubungan Antarabangsa KPM bagi mengadakan satu sesi perbincangan bersama pihak Presiden WOAG Malaysia. Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang berlaku di Republik Arab Mesir terutamanya yang berkaitan dengan Kedutaan Besar Malaysia Di Kaherah Mesir. Perbincangan bermula seawal jam 10.30 petang dan berakhir pada jam 02.00



**KUNJUNGAN MAHABBAH TETAMU TIMBALAN PRESIDEN KE PEJABAT WOAG MALAYSIA**

YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia telah mengadakan satu pertemuan dan perbincangan bersama beberapa tetamu yang hadir ke Pejabat WOAG Malaysia di Bilik Presiden pada 27 Ogos 2019M bersamaan 26 Zulhijjah 1440H (Selasa). Tetamu ini terdiri daripada 4 orang dan mereka disambut baik oleh staf pejabat ketika sampai di hadapan pintu masuk pejabat. YBhg. Perbincangan ini melibatkan Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia, YBhg. Dr. Mohamad Zain bin Musa, Mantan Penasihat Royal Academy of Cambodia (RAC), YBhg. Dr. Mohammad Nawar bin Arifin, Pakar Bedah dan Perunding Ortopedik Kanak-Kanak dan YBhg. Ustaz Muhammad Taqiuddin bin Abdullah. Perbincangan bermula seawal jam 03.00 petang dan berakhir pada jam 06.00 petang.



### JEMPUTAN FORUM HAL EHWAL KELUARGA

Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, YBhg. Dato' Haji Ismail bin Noor telah dijemput hadir sebagai salah seorang panel dalam program Forum Hal Ehwat Keluarga yang bertajuk "Ku Sangkakan Panas Hingga Ke Petang, Rupanya Hujan Di Tengahari" di bawah anjuran bersama Pertubuhan Kearifan Islam Malaysia (OMIW) dan Majlis Dakwah Negara (MDN) dengan kerjasama Surau al-Munir Taman Sri Nanding. Forum ini dibentangkan dengan 2 orang ahli panel, seorang wakil lelaki dan seorang wakil wanita serta seorang moderator forum.

**Tarikh** : 31 Ogos 2019M bersamaan 30 Zulhijjah 1440H (Sabtu)

**Masa** : Selepas Maghrib

**Tempat** : Surau al-Munir, Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan

**Anjuran** : Anjuran bersama Pertubuhan Kearifan Islam Malaysia (OMIW) dan Majlis Dakwah Negara (MDN) dengan kerjasama Surau al-Munir Taman Sri Nanding.

**Kehadiran** :

- 1) YBhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Ustaz Syeikh Ismail bin Hashim, Mantan Pengarah Kanan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
- 3) YBhg. Ustazah Zawayah binti Hassan, Mantan Pengarah Kanan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- 4) Ahli Jawatankuasa Surau al-Munir Taman Sri Nanding
- 5) Para penduduk dan ahli kariah Taman Sri Nanding

Anjuran Bersama  
PERTUBUHAN KEARIFAN ISLAM MALAYSIA (OMIW)  
& MAJLIS DAKWAH NEGARA (MDN) Dengan Kerjasama SURAU AL MUNIR.

**FORUM  
HAL EHWAL KELUARGA**

TAJUK:  
**" KU SANGKAKAN PANAS HINGGA KE PETANG  
RUPANYA HUJAN DI TENGAHARI "**

**31 Ogos 2019** | **SABTU** | **SURAU AL MUNIR**  
SELEPAS SOLAT MAGHRIB | TAMAN SRI NANDING, HULU LANGAT

MODERATOR : YBHG. USTAZ SYEIKH ISMAIL BIN HASHIM  
(MANTAN PENGARAH KANAN YADIM)

PANEL LELAKI : YBHG. DATUK ISMAIL BIN NOR  
(MANTAN PENGARAH KANAN JAKIM)


PANEL PEREMPUAN : YBHG. USTAZAH ZAWIYAH BINTI HASSAN  
(MANTAN PENGARAH KANAN JAKIM)

**Muslimin & Muslimat Bersama Keluarga Dijemput Hadir Beramai-ramai**

Malaysia, September 2019

## JEMPUTAN PENCERAMAH KULIAH SUBUH KHAS MAAL HIJRAH: APA SELEPAS HIJRAH RASULULLAH

YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia telah dijemput sebagai penceramah Kuliah Subuh Khas Maal Hijrah yang diberikan tajuk "Apa Selepas Hijrah Rasulullah...?" di Surau Al-Ittihadiyyah, Seksyen 9, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada 01 September 2019M bersamaan 01 Muharram 1441H (Ahad) selepas solat Subuh. Ceramah ini juga menyediakan rakaman secara langsung melalui Facebook Kuliah LIVE @ al-Ittihadiyyah.



## JEMPUTAN PENCERAMAH MA'AL HIJRAH 1441: MENCARI KEREDHAAN ILAHI

Pada 13 September 2019M bersamaan 13 Muharram 1441H (Jumaat), YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia telah dijemput sebagai penceramah dalam program Ceramah Ma'al Hijrah 1441H dengan tajuknya "Mencari Keredhaan Allah" yang diadakan seusai Solat Maghrib berjemaah di Surau Al-Azim Taman Langat Murni, Banting, Selangor Darul Ehsan. Pihak Jawatankuasa Surau Al-Azim Taman Langat Murni juga menyediakan jamuan makan malam bagi para Jemaah yang hadir mendengar ceramah ini.



### **PENYERTAAN DALAM SEMINAR ANTARABANGSA RAHMATAN LIL 'ALAMIN**

Buat julung kalinya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kerjasama Kulliyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah mengadakan Seminar Antarabangsa Rahmatan Lil 'Alamin yang mengumpulkan cendekiawan dan ahli akademik dalam dan luar negara membincangkan topik gagasan Rahmatan Lil 'Alamin dalam masa 1 hari yang menyediakan 3 pembentangan, 1 forum dan pembentangan resolusi seminar. Pembentangan pertama bertajuk "Memahami Rahmatan Lil 'Alamin Secara Syumul", pembentangan kedua pula bertajuk "Hubungan Rahmatan Lil 'Alamin dan Adab al-Ikhtilaf" manakala pembentangan terakhir diberi tajuk "Konsep Rahmatan Lil 'Alamin Dalam Menghadapi Gejala Ekstremisme". Seminar ini berlangsung pada 19 September 2019M bersamaan 19 Muharram 1441H (Khamis) di Senat, Bangunan Muhammad Abdul Rauf, UIAM, Gombak, Selangor bermula jam 08.00 pagi hingga 05.00 petang. Seminar ini juga dapat merupakan program kemuncak dalam Minggu Rahmatan Lil 'Alamin yang diadakan khusus di UIAM dan pelbagai lagi program dan aktiviti yang dijalankan sepanjang minggu tersebut.

#### **Kehadiran :**

- 1) YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Agama)
- 2) YBhg. Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Presiden UIAM
- 3) YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan, Penasihat Kehormat Pusat Islamisasi, UIAM
- 4) YBhg. Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Profesor Dr. Afifi al-Akiti, Orang Besar Delapan Negeri Perak & Felo Pusat Pengajian Islam (OXCIS), Universiti Oxford, United Kingdom
- 5) YBhg. Prof. Madya Dr. Ismail Lutfi Japakiya, Rektor Universiti Fatoni, Thailand
- 6) YBhg. Dr. Muchlis Muhammad Hanafi, Sekretariat Jeneral Organisasi Internasional Alumni al-Azhar Cawangan Indonesia
- 7) YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 8) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
- 9) Ustaz Raafat M.H Abu Sabha, Guru Pondok Moden al-Abaqirah merangkap Pembantu Pejabat WOAG Malaysia (Bahasa Arab)
- 10) Para pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan tetamu kehormat dalam dan luar negara





Malaysia, September 2019

**KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN WOAG MALAYSIA BERSAMA WAKIL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) KE KEDUTAAN REPUBLIK ARAB  
MESIR DI MALAYSIA**

WOAG Malaysia melalui Presiden telah membantu Bahagian Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan mengadakan Kunjungan Hormat Terhadap TYT Duta Besar Republik Arab Mesir di Kuala Lumpur bagi membincangkan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan lanjutan pengajian di al-Azhar al-Sharif iaitu pembaharuan MOU Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan perubahan sistem pengajian kursus perubatan di universiti-universiti Republik Arab Mesir kepada sistem jam berkredit. Kunjungan ini juga membincangkan tentang pelanjutan pajakan tanah Dewan Malaysia Abbasiyah Kaherah (DMAK). Kunjungan hormat ini berakhir dengan pemberian cenderamata antara KPM dan TYT Duta Besar.

**Tarikh** : 20 September 2019M bersamaan 20 Muharram 1441H (Jumaat)  
**Tempat** : Kedutaan Republik Arab Mesir di Malaysia, Jalan Ampang Hilir, Kuala Lumpur  
**Anjuran** : Bahagian Hubungan Antarabangsa KPM  
**Kehadiran** :

- 1) TYT Tuan Jamal Abdul Rahim Mettawally, Duta Besar Republik Arab Mesir di Kuala Lumpur
- 2) YBhg. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 3) YBhg. Datin Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 4) YBhg. Ustaz Ahmad Zakuan bin Md Khudzari, Bahagian Hubungan Antarabangsa KPM
- 5) Para pegawai Kedutaan Besar Republik Arab Mesir di Kuala Lumpur



**ZIARAH MAHABBAH PENSYARAH UNIVERSITI SULTAN  
ZAINAL ABIDIN (UNISZA) KE PEJABAT WOAG  
MALAYSIA**

Pada 20 September 2019M bersamaan 20 Muharram 1441H (Jumaat), Pejabat WOAG Malaysia telah menerima tetamu iaitu YBhg. Prof. Madya Dr. Hasanuldin bin Mohd, Profesor Madya di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) bagi bertemu dengan Timbalan Presiden WOAG Malaysia, Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz untuk membincangkan tentang lawatan penyelidikan berkaitan modul penerbitan Tabung Haji. Perbincangan ini bertujuan untuk menumpukan data-data berkaitan penyelidikan universiti yang bertajuk "Metode Bimbingan Haji Oleh Lembaga Tabung Haji: Analisis Terhadap Modul Penerbitan Dan Cadangan Penambahbaikan".



Malaysia, September 2019

**KUNJUNGAN HORMAT YAYASAN ABADA DAN WARGA MELAYU  
KE PEJABAT WOAG MALAYSIA**

Satu mesyuarat telah dijalankan antara Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, Persatuan Warga Melayu dan Institut Pendidikan Islam Dan Tahfiz al-Quran (ABADA) dalam Kunjungan Hormat Yayasan ABADA dan Warga Melayu Ke Pejabat WOAG Malaysia. Mesyuarat ini bermula pada jam 4.00 petang dan membincangkan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh pihak Yayasan ABADA dan Persatuan Warga Melayu antaranya cadangan kerjasama pintar antara umara', 'ulama dan hukama'; perbincangan kertas kerja Ihya'ul Ribath al-Azhari, Bandar Shuhbatul Ustazi Thooluzzaman serta perbincangan kertas kerja cadangan kerjasama pintar antara ABADA dan WOAG Malaysia. Kunjungan hormat ini berakhir dengan sesi bergambar kenang-kenangan.

**Tarikh** : 20 September 2019M bersamaan 20 Muharram 1441H (Jumaat)

**Tempat** : Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor

**Masa** : 04.00 petang

**Kehadiran** :

- 1) YBhg. Dato' Dr. Mohd Fakhruddin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 3) YBhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Naib Presiden II WOAG Malaysia
- 4) YBhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia
- 5) YBhg. Datin Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 6) YBhg. Tn. Hj. Salehuddin bin Yacob, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 7) YBhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 8) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
- 9) YBhg. YBhg. Tn. Hj. Idris bin Hj. Mahamud, Mursyidul Am Warga Melayu
- 10) YBhg. Ustaz Muhammad Mahdi A'kif bin Idris, Yang DiPertua Warga Melayu
- 11) YBhg. Tn. Hj. Abdul Kadzir Ruslan bin Hj. Mahamud, Timb. Yang DiPertua Warga Melayu
- 12) YBhg. Ustaz Mohd Muhaizam bin Md Ishak, AJK Warga Melayu
- 13) YBhg. Ustaz Yusof bin Abdul Rahman, AJK Warga Melayu
- 14) YBhg. Ustaz Yahaya bin Ahmad, AJK Warga Melayu
- 15) YBhg. Ustaz Sulaiman bin Mohammad, AJK Warga Melayu
- 16) YBhg. Ustaz Mohd Zia Ul-Haq bin Idris, AJK Warga Melayu
- 17) YBhg. Ustaz Mohd Firdaus bin Mohd Osmani, AJK Warga Melayu



**MESYUARAT AHLI MAJLIS  
SYURA WOAG MALAYSIA BIL.  
5/2019**

Pihak WOAG Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia Bil. 5/2019 pada 20 September 2019M bersamaan 20 Muharram 1441H (Jumaat) di Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor yang dihadiri seramai 9 orang Ahli Majlis Syura. Mesyuarat yang bermula dari 6.00 petang ini membincangkan beberapa agenda yang ditetapkan antaranya perbincangan pelaburan ke Syarikat Ace Credit Sdn Bhd, perbincangan program WOAG Malaysia pusat dan negeri-negeri; perbincangan kursus Bahasa Arab WOAG Malaysia; perbincangan Sekolah Angkat WOAG Malaysia iaitu Madrasah Al-Islah Pendang Kedah; cadangan Lawatan Kerja WOAG Malaysia Ke Thailand 2019 dan lain-lain agenda.



Malaysia, September 2019

**PENYERTAAN DALAM PERSIDANGAN MEJA BULAT PERSATUAN  
PEGUAM-PEGUAM MUSLIM MALAYSIA (PPMM) BERTEMAKAN  
“MENGARUS PERDANA SYARIAH”**

WOAG Malaysia yang diwakili oleh YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia telah hadir ke Persidangan Meja Bulat Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM) bertemakan “Mengarus Perdana Syariah”. Persidangan ini membincangkan input-input berguna berkaitan agama Islam daripada NGO-NGO Islam supaya PPMM lebih prihatin dan memahami sesuatu isu agama kelak. Persidangan ini juga dihadiri oleh pelbagai latar belakang pegawai kerajaan, ahli akademik, para pendakwah dan penggerak NGO-NGO Islam di Malaysia. Persidangan berjalan dengan jayanya dan berakhir dengan sesi penggambaran bersama semua peserta yang hadir.

**Tarikh** : 24 September 2019M bersamaan 24 Muharram 1441H (Selasa)

**Tempat** : Hotel Tenera, Bangi, Selangor Darul Ehsan

**Masa** : 01.00 petang hingga 06.00 petang

**Anjuran** : Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM)

**Kehadiran** :

- 1) YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Dato' Haji Zainul Rijal bin Abu Bakar, Presiden PPMM
- 3) YBhg. Ustaz Haji Ismail Mina bin Ahmad, Pengerusi Gerakan Pembela Ummah
- 4) Para perwakilan daripada NGO-NGO Islam di Malaysia
- 5) Para peguam Syarie Malaysia



**PENYERTAAN DALAM  
SEMINAR KEBANGSAAN  
SOLUSI HADHANAH  
MAHKAMAH SYARIAH**

Pada 26 September 2019M bersamaan 26 Muharram 1441H (Khamis), Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Solusi Hadhanah Mahkamah Syariah di USIM dan menjemput pihak WOAG Malaysia untuk hadir. Pada kali ini Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia telah mewakili WOAG Malaysia bagi menghadiri seminar ini dan seminar bermula 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Seminar ini membincangkan beberapa isu yang berkaitan dengan hadhanah di Mahkamah Syariah Malaysia antaranya Isu dan Konflik Solusi Hadhanah dari Perspektif Peguam Syarie; Penyelesaian Kes-Kes Jagaan Anak di Mahkamah Sivil; Hadhanah Menurut Perspektif Undang-Undang Syariah dan Kes-Kes Hadhanah di Mahkamah Rayuan Syariah; Solusi Hadhanah di Negara-Negara Antarabangsa serta Solusi Rasulullah SAW dan Para Sahabat Terhadap Pertikaian Hadhanah.



Malaysia, Oktober 2019

**KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN  
WOAG MALAYSIA BERSAMA JABATAN  
AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR (JAINJ) KE  
KEDUTAAN BESAR REPUBLIK ARAB MESIR  
DI MALAYSIA**

Delegasi Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) seramai 6 orang bersama YBhg. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia telah mengadakan Kunjungan Hormat Terhadap TYT Duta Besar Republik Arab Mesir Di Malaysia bagi membincangkan isu-isu penting dan mencari solusi untuk menyelesaikan beberapa kemusykilan yang dihadapi. Kunjungan ini berlangsung pada 01 Oktober 2019M bersamaan 02 Safar 1441H (Selasa) jam 10.00 pagi di Kedutaan Besar Republik Arab Mesir Di Malaysia, Jalan Ampang Hilir, W.P Kuala Lumpur.



**LIQA' MAHABBAH PRESIDEN WOAG MALAYSIA BERSAMA WAKIL MAJLIS AGAMA ISLAM KEDAH (MAIK) DAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)**

Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) bekerjasama dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMK) dalam menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JBP) Wakaf Kedah Muamalat (WKM) dalam bahagian wakaf dan melantik YBhg. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia sebagai Pengerusi Jawatankuasa ini berkuatkuasa bulan ini. Satu pertemuan telah dijalankan antara mereka di Pejabat WOAG Malaysia bagi sesi perkenalan antara satu sama lain dan pengenalan agensi masing-masing.

**Tarikh** : 02 Oktober 2019M bersamaan 03 Safar 1441H (Rabu)  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat, Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor  
**Masa** : 10.00 pagi  
**Kehadiran** :

- 1) YBhg. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. En. Mohd Rafaei bin Rani, BMMB
- 3) YBhg. Puan Shamsiah binti Abdul Karim, BMMB
- 4) YBhg. Puan Wan Nuraihan binti Hj. Abd. Shatar, BMMB
- 5) YBhg. En. Zulkarnain bin Salamat, BMMB
- 6) YBhg. Puan Rosnani binti Hj Abdul Rahim, Akauntan MAIK
- 7) YBhg. Syeikh Muhammad Suhaimie bin Zulkifli, Baitulmal MAIK
- 8) YBhg. Syeikh Fakhur Razi bin Ahmad, Waqaf MAIK



Malaysia, Oktober 2019

**PENYERTAAN DALAM KONGRES  
MARUAH MELAYU AMANAT  
TUN DR. MAHATHIR**

Empat buah Universiti telah bergabung bersama menganjurkan Kongres Maruah Melayu: Amanat Tun Dr. Mahathir Mohamad & universiti tersebut adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 06 Oktober 2019M bersamaan 07 Safar 1441H (Ahad) di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Pihak WOAG Malaysia menyambut baik dengan jemputan yang dihantar dan mewakili seramai 11 orang dalam kalangan Ahli Majlis Syura, staf pejabat

dan tetamu jemputan WOAG Malaysia. Kongres berjalan dengan lancar dan menyediakan jamuan makan bagi tetamu kehormat kongres. Kongres membentangkan pembentangan daripada pelbagai latar belakang panel dalam 5 kluster iaitu Agama, Budaya, Ekonomi, Pendidikan dan Politik. Kongres dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Ketua Eksekutif Kongres. Juga mengadakan ucapan aluan Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran Kongres. Seterusnya dijalankan penyerahan resolusi Kongres, amanat Tun Dr. Mahathir Mohamad, deklarasi ikrar Sumpah Anak Watan, makan tengah hari dan bersurai. Kongres ini bermula jam 08.00 pagi hingga 02.00 petang.





Malaysia, Oktober 2019

**PENYERTAAN DALAM PEMBERIAN  
SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR DI  
BALING KEDAH**

WOAG Malaysia sentiasa mengambil berat tentang kesusahan rakyat Malaysia lebih-lebih lagi yang di timpa musibah tanpa diduga. Dengan itu, WOAG Malaysia telah menyumbangkan RM2,000.00 kepada pihak yang berautoriti untuk menyampaikan sumbangan ini kepada mangsa banjir di Baling, Kedah Darul Aman. Penyampaian sumbangan yang berbentuk makanan harian telah dijalankan di beberapa tempat. Pada 13 Oktober 2019M bersamaan 14 Safar 1441H (Ahad), pihak WOAG Malaysia diwakili oleh YBhg. Tn. Hj. Salehuddin bin Yacob, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia untuk turun padang bersama-sama menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir tersebut.



Malaysia, Oktober 2019

**PENYERTAAN DALAM MU'TAMAR AL-AMANAH AL-'AMMAH LI DUWAR WA  
HAIAT AL-IFTAK FI AL-'ALIM**

YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia telah dilantik menjadi wakil kepada Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) untuk menghadiri Mu'tamar Al-Amanah Al-'Ammah Li Duwar Wa Haiat Al-Iftak Fi Al-'Alim di Dewan Hotel al-Masa, Nasr City, Cairo, Arab Republic of Egypt. Mukhtamar berlangsung selama 2 hari dan dianjurkan oleh Dar al-Iftak al-Misriyyah.

**Tarikh** : 15 dan 16 Oktober 2019M bersamaan 16 dan 17 Safar 1441H (Selasa dan Rabu)

**Tempat** : Dewan Hotel al-Masa, Nasr City, Cairo, Arab Republic of Egypt

**Anjuran** : Dar al-Iftak al-Misriyyah

**Kehadiran** :

- 1) YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 2) Sahibul Samahah Dato' Seri Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan
- 3) Peserta yang terdiri daripada pelbagai negara



### MAJLIS SILATURRAHIM BERSAMA FORSIMAS

FORSIMAS adalah singkatan kepada Forum Silaturrahim Kemakmuran Masjid Serantau yang diasaskan di Republik Indonesia dan WOAG Malaysia telah meraikan mereka ketika penjelajahan mereka di Malaysia dengan mengadakan Majlis Silaturrahim Bersama FORSIMAS di Pejabat WOAG Malaysia. Majlis berjalan dengan beberapa slot yang dirancang iaitu sesi perkenalan antara kedua belah pihak, sesi pengenalan WOAG Malaysia dan jamuan makan malam. Majlis berakhir dengan sesi bergambar kenang-kenangan.

**Tarikh** : 16 Oktober 2019M bersamaan 17 Safar 1441H (Rabu)

**Tempat** : Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor

**Masa** : 08.00 malam hingga 11.00 malam

**Anjuran** : WOAG Malaysia

**Kehadiran** :

- 1) YBhg. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia
- 2) YBhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Naib Presiden II WOAG Malaysia
- 3) YBhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 4) YBhg. Dr. Muhammad Nawar bin Ariffin, Ketua Delegasi FORSIMAS
- 5) YBhg. Tuan Sos Sen, Setiausaha Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Indonesia
- 6) YBhg. Ustaz Muhammad Rofiq, Direktur LW Majlis Ulama Indonesia
- 7) YBhg. Ustaz Teuku Farhan, Director Information and Technology FORSIMAS
- 8) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
- 9) Ustaz Dudi Rusadi @ Ali, Pembantu Khas Pejabat WOAG Malaysia
- 10) Ustaz Raafat M.H Abu Sabha, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia (Bahasa Arab)
- 11) Para tetamu yang hadir



Malaysia, Oktober 2019

### **PENYERTAAN DALAM SEMINAR SERANTAU DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK**

Persatuan Ulama Malaysia (PUM) yang di sokong oleh Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) dan WOAG Malaysia telah mengadakan Seminar Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk (SSMM19) yang menampilkan pembicara yang terdiri daripada tokoh pendakwah dan academia dalam dan luar negara. Seminar ini telah mengupas isu-isu yang berkaitan dengan Islam Dan Masyarakat Majmuk, Fiqh al-Ta'ayush al-Silmi (Fiqh of Peaceful Co-Existence), Pendekatan Dan Strategi Dakwah, Interaksi Muslim Dan Non-Muslim serta tajuk-tajuk lain yang menarik. Seminar ini juga menjalankan pembentangan melebihi 20 Kertas Kerja.

Tarikh : 19 Oktober 2019M bersamaan 20 Safar 1441H (Sabtu)  
Tempat: Dewan Hotel Putra, Jalan Tun Abdul Razak, W.P Kuala Lumpur  
Masa : 08.00 pagi hingga 05.00 petang  
Anjuran : Persatuan Ulama Malaysia (PUM) di sokong oleh Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) dan WOAG Malaysia

Kehadiran :

- 1) YBhg. Dato Sheikh Hj. Abdul Halim bin Abd. Kadir, Yang Dipertua PUM
- 2) YBhg. Prof. Madya Dr. Ismail Lutfi Japakiya, Rektor Universiti Fatoni Thailand
- 3) YBhg. Dr. Mohamad Zain Musa, wakil daripada Kemboja
- 4) YBhg. Dr. Hikmatullah Babu Sahib, wakil daripada Singapura
- 5) YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 6) YBhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Naib Presiden II WOAG Malaysia
- 7) YBhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Bendahari WOAG Malaysia
- 8) YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 9) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
- 10) Para peserta yang turut hadir



Malaysia, Oktober 2019

### **JEMPUTAN MAJLIS MAKAN MALAM LIQA' MAHABBAH PERDANA 2019**

Selepas tamat Seminar Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk (SSMM19) sebelah petang, pada hari yang sama juga pihak Persatuan Ulama Malaysia (PUM) telah mengadakan Majlis Makan Malam Liqa' Mahabbah Perdana 2019 pada sebelah malam. Kehadiran adalah peserta yang sama dalam seminar tersebut dan ada juga penambahan daripada NGO islam yang lain. Pada majlis malam tersebut juga diadakan pelancaran buku terbaru yang diterbitkan oleh PUM.

Tarikh : 19 Oktober 2019M bersamaan 20 Safar 1441H (Sabtu)  
Tempat: Dewan Hotel Putra, Jalan Tun Abdul Razak, W.P Kuala Lumpur  
Masa : 08.00 malam hingga 11.30 malam  
Anjuran : Persatuan Ulama Malaysia (PUM) di sokong oleh Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) dan WOAG Malaysia

Kehadiran :

- 1) YBhg. Dato Sheikh Hj. Abdul Halim bin Abd. Kadir, Yang Dipertua PUM
- 2) YBhg. Prof. Madya Dr. Ismail Lutfi Japakiya, Rektor Universiti Fatoni Thailand
- 3) YBhg. Dr. Mohamad Zain Musa, wakil daripada Kemboja
- 4) YBhg. Dr. Hikmatullah Babu Sahib, wakil daripada Singapura
- 5) YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Presiden WOAG Malaysia
- 6) YBhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Naib Presiden II WOAG Malaysia
- 7) YBhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Bendahari WOAG Malaysia
- 8) YBhg. Ustaz Hj. Abdullah bin Mat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia
- 9) Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia
- 10) Para peserta yang turut hadir





# المنظمة العالمية لخريجي الأزهر فرع ماليزيا

**RABIAH ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA**  
**The World Organization for al-Azhar Graduates Malaysia**

(PPM-013-10-01032012)



**PRESIDEN / الرئيس**

Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti  
الاستاذ داتوء الدكتور محمد فخر الدين عبد الهعطي



**NAIB PRESIDEN I / مساعد الرئيس الأول**

Dato' Yahya A. Jalil  
داتوء يحيى عبد الجليل



**TIMBALAN PRESIDEN / نائب الرئيس**

Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz  
داتوء وان محمد داتوء الشيخ عبد العزيز



**NAIB PRESIDEN II / مساعد الرئيس الثاني**

Dato' Lela Perkasa Mahamud Abdul  
داتوء محمود عبدول



**PEN. SETIAUSAHA / مساعد الزمين العام**  
Prof. Madya Dr. Mustafa Abdullah  
الاستاذ المشارك الدكتور مصطفى عبد الله



**SETIAUSAHA / الزمين العام**  
Dr. Asyraf Isyraqi Jamil  
الدكتور اشرف اشراقي جهيل



**BENDAHARI / أمين الصندوق**  
Dr. Ahmad Yussuf  
الدكتور أحمد يوسف



**PEN. BENDAHARI / مساعد أمين الصندوق**  
Tuan Haji Sr. Abdullah Sani Hanafi  
الحاج المهندس عبد الله ساني حنفي



SS Datuk Dr. Luqman Abdullah  
صاحب السهاده  
داتوء الدكتور لقمان عبد الله



Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin  
الاستاذ الدكتور محمد اكرم لال الدين



Datin Zaharah Md. Hashim  
داتين زهرة محمد هاشم



Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi Hamat  
الاستاذ المشارك الدكتور محمد فوزي حماد



Dr. Muhammad Yamin Ismail  
الدكتور محمد يامين اسماعيل



Tuan Haji Salehuddin Yaacob  
الحاج صلاح الدين يعقوب



Dato' Ismail Noor  
داتوء اسماعيل نور



Ustaz Abdullah Mat  
الاستاذ عبد الله محمد



Ustazah Norihan Mohd Noor  
الاستاذة نوربان محمد نور

No. 3, Jalan 222, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-7954 5900 Faks: 03-7954 2900

E-mel: [rabitahmalaysia@gmail.com](mailto:rabitahmalaysia@gmail.com) Laman Web: [woag-malaysia.org.my](http://woag-malaysia.org.my)